

KERATAN AKHBAR

AKHBAR: HARIAN METRO

MUKA SURAT: A5

ANGGOTA MDSB memantau kerja memasang pita larangan di tiga petak gerai di Pasar Awam Sekinchan.



Peniaga positif PANDEMIK COVID-19

Tiga petak gerai di Pasar Awam Sekinchan ditutup sementara

Amrul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sabak Bernam

Seorang peniaga Pasar Awam Sekinchan, Sekinchan disahkan positif Covid-19.

Susulan itu, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) menutup tiga petak gerai di pasar itu sejak Isnin lalu.

Yang Dipertua MDSB, Mohd Faizul Fitri Muslil berkata, petak gerai berkenaan ditutup sementara sehingga tahap kesihatan peniaga berkenaan kembali pulih.

"Untuk makluman, peniaga terbabit didapati positif Covid-19 selepas menjalani ujian swab pada 5 Mei lalu.

"Keseluruhan pasar awam masih beroperasi seperti biasa namun hanya tiga petak gerai itu ditutup sementara," katanya.

Beliau berkata, sebahagian besar peniaga dan pekerja di Pasar Awam Sekinchan sudah menjalani ujian swab seperti yang diarahkan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Sabak Bernam.

Tegasnya, MDSB memandang serius peniaga dan pekerja yang belum menjalani ujian Covid-19.

"Saya berharap semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan seperti mematuhi penjarakan sosial dan sentiasa memakai pelitup muka.

"Orang ramai juga diminta mendaftar sebagai pengunjung pasar selain tidak membawa individu berisiko yang mudah dijangkiti seperti warga emas dan kanak-kanak serta kerap mencuci tangan," katanya.

“ Peniaga terbabit didapati positif selepas menjalani ujian swab 5 Mei Mohd Faizul ”